

Mencipta kelainan di puncak Kinabalu

► Seramai 30 warga UMS akan promosi tradisi kaum di puncak gunung tertinggi di Asia Tenggara itu

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**
hadieyda18@yahoo.com
UB 29.11.2012 B1

SELARAS usaha memartabatkan budaya dan asal-usul kaum yang terdapat di negara ini, warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Kelab Kebudayaan dan Kesenian akan mencipta satu kelainan dengan pemakaian 20 jenis pakaian tradisional di puncak Gunung Kinabalu.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Datuk Dr Kasim Mansur berkata ia merupakan asas kepada permulaan untuk mengenali budaya sesebuah kaum.

Katanya, dengan pelaksanaan program IMalaysia di Puncak Gunung Kinabalu ini, ia akan menjadi medium kepada kelab berkenaan untuk mengasah bakat, memupuk serta

mengaplikasi semangat cintakan tradisi dan keharmonian.

Dalam masa sama, ia mampu untuk melahirkan warga intelektual, kreatif dan berdaya asing di kalangan pelajar untuk mengenali sesuatu tradisi dengan lebih mendalam, tambahnya.

"Melalui penglibatan dalam program ini, saya percaya ia akan menjadi salah satu wadah untuk mengembang dan memperkenalkan budaya Sabah ke peringkat yang lebih tinggi pada masa hadapan.

"Diharapkan dengan pelaksanaan program sebegini, dapatlah warga intelektual mengaplikasikan semangat cintakan tradisi dan keharmonian," katanya pada perasmian Program IMalaysia di Puncak Gunung Kinabalu.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya yang disampaikan oleh Pengarah



MAHMUD dan Porlla bergambar bersama ahli Kelab Kebudayaan dan Kesenian UMS, semasa perasmian Program IMalaysia di puncak Gunung Kinabalu kelmarin.

Pusat Alumni UMS, Prof Madya Dr Mahmud Sudin.

Program IMalaysia di Puncak Gunung Kinabalu itu akan disertai oleh seramai 30 warga UMS, yang terdiri daripada 23 mahasiswa/mahasiswi termasuk tujuh kakitangan UMS.

Pendakian ke Gunung

Kinabalu akan bermula hari ini (29 Nov) hingga 30 November. Aktiviti sumpitan dengan berpakaian tradisional akan turut diadakan di puncak gunung.

Sementara Setiausaha Kelab Kebudayaan dan Kesenian UMS, Porlla Mousin yang mewakili

pengarah program itu berkata program berkenaan membina aspirasi di kalangan ahli serta mampu memupuk semangat cintakan keharmonian.

Penganjuran program sebegini juga mampu memberi kesedaran serta memartabatkan budaya kaum di negara ini.

“Melalui penglibatan dalam program ini, saya percaya ia akan menjadi salah satu wadah untuk mengembang dan memperkenalkan budaya Sabah ke peringkat yang lebih tinggi pada masa hadapan.”

PROF MADYA DATUK DR KASIM MANSUR
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)